

Pengusaha diminta baiki saluran

Projek ternak rumpai air sekat aliran, melimpah ke halaman rumah penduduk

Oleh Nur Aishah Zainal
bhnews@bharian.com.my

JASIN: Penduduk sekitar jeti Kampung Sempang Pantai, dekat sini, memohon pihak yang terbabit dengan projek menternak rumpai air menyediakan sistem perparitan dengan betul agar masalah limpahan air sehingga ke halaman rumah mereka tidak terus berlarutan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Sempang Pantai, Saadon Baharom, berkata sejak projek itu dilaksanakan beberapa bulan lalu, longkang sedia ada tidak dapat menampung takungan air terutama ketika hujan lebat.

Katanya, keadaan seperti itu mengundang kebimbangan penduduk setempat kerana kemungkinan berdepan bencana banjir kilat apabila air yang melimpah sering menyebabkan halaman rumah mereka digenangi air.

“Sistem perparitan di kawasan berdekatan kini didapati tersekat berikutan tempat yang kebiasaannya menampung air kini sudah didajikan tapak projek terbabit. Keadaan itu juga mengakibatkan air melimpah ke halaman rumah penduduk setempat.

“Dulu tidak pernah berlaku per-



KEADAAN parit yang sempit menyebabkan air tersekat.

kara seperti ini. Keadaan seperti ini membimbangkan penduduk setempat, lebih-lebih lagi sejak kebelakangan ini, dengan hujan lebat yang kerap berlaku masalah sedemikian menjadi semakin teruk.

“Apabila hujan lebat, penduduk

mengadu halaman rumah mereka dinaiki air dan apa yang lebih merunsingkan adalah jika terjadi perkara yang tidak diingini seperti banjir kilat di kawasan terbabit,” katanya.

Saadon berkata, perkara berkenaan perlu diberi perhatian serius memandangkan ia membabitkan

keselamatan dan keselesaan penduduk setempat

“Perkara seumpama ini tidak boleh dipandang remeh kerana keselamatan penduduk perlu diberi perhatian serius sebelum terjadi perkara yang tidak diingini dan mengancam nyawa mereka.

“Kami memohon jasa baik daripada pihak terbabit untuk menyelesaikan masalah ini dengan membuat parit secepat yang mungkin agar aliran air di kawasan terbabit menjadi lebih teratur,”katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Ghazale Mohamad yang meninjau kawasan terbabit berkata, beliau sudah memaklumkan perkara berkenaan kepada pihak yang terbabit untuk mengambil tindakan segera.

“Mereka perlu mengambil tindakan dengan membuat saluran perparitan agar air dapat mengalir dengan betul dan sekaligus dapat menyelesaikan masalah yang mengganggu penduduk berdekatan.

“Projek ini dijangka hanya siap pada penghujung tahun ini. Saya berharap masalah terbabit dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan agar tidak timbul lagi rungutan di kalangan penduduk setempat,” katanya.

● NUR AISHAH ZAINAL | BERITA HARIAN